



## KENYATAAN MEDIA

**YBHG.DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF**

### SIDANG AKHBAR BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>17 Mei 2015 (Ahad)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>10:30 pagi</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Bilik Anggerik, Ibu Pejabat MPSP</b>

- Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Think City Sdn.Bhd dan George Town Festival (GTF) akan menganjurkan *Butterworth Fringe Festival (BFF)* pada 15-16 Ogos 2015 (Sabtu-Ahad) di Jalan Jeti Lama, Butterworth. Program yang julung-julung kali diadakan di Seberang Perai ini merupakan pengisian selaras dengan Pelan Butterworth Baru sebagai *catalyst* dalam merancakkan ekonomi penduduk setempat khasnya dan juga sebagai satu festival yang bertujuan untuk memperkenalkan nilai-nilai budaya tempatan dan antarabangsa.
- *Butterworth Fringe Festival* akan menjanjikan pelbagai kelainan aktiviti yang menarik untuk masyarakat melihat dan menghayati dengan lebih dekat. Pelbagai acara yang akan dipersembahkan yang mana bakal menjadikan Butterworth sebagai hub acara inovatif, kreatif dan persembahan kebudayaan dan juga cara hidup masyarakat. Pelbagai acara tempatan dan antarabangsa yang akan dipersembahkan adalah seperti Victoria & Armenian Street Project, The French Flavour, Voluminosity, Cette Immense, Snuff Puppets dan pelbagai lagi cara yang akan menjadi pengisian sepanjang program ini berlangsung yang mana berteraskan asimilasi budaya serantau dan pastinya membawa pengisian acara yang menjanjikan kelainan kepada seluruh penduduk Seberang Perai khasnya dan negeri Pulau Pinang amnya.
- Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Think City dan George Town Festival mengharapkan komuniti setempat khasnya dan seluruh negeri Pulau Pinang secara amnya akan hadir bagi menjayakan *Butterworth Fringe Festival* akan diadakan pada 15-16 Ogos 2015 kelak. Komitmen semua pihak adalah menjadi intipati utama dalam menjayakan program ini dan kolaborasi secara holistik yang wujud dalam pelaksanaan *Butterworth Fringe Festival* diharapkan menjadi *catalyst* dalam meningkatkan lagi kegemilangan Butterworth sebagai sebuah bandar yang bakal menjadi hub pengangkutan di wilayah koridor Utara dan serantau. Saya dengan ini sekali lagi mengharapkan semua stakeholders dan seluruh penduduk negeri Pulau Pinang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam *Butterworth Fringe Festival* ini.